

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita Harian Online

TARIKH : Jumaat, 12 Januari 2018



Rencana»Sastera

Jumaat, 12 Januari 2018 | 3:04pm



Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menyerahkan buku Istana Pahang : The Palace of Pahang kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (dua dari kiri) setelah berkenan melancarkan buku tersebut pada majlis pelancaran buku Istana Pahang : The Palace of Pahang dan Revisit Pahang 2018 di Perpustakaan Negara. Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (dua dari kanan) dan Exco Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin (kanan). - Foto Asyraf Hamzah

Malaysia sasar penerbitan 31,700 judul buku setahun

Kuala Lumpur: Kerajaan mensasarkan penerbitan buku tanah air mencapai 31,700 judul setahun menjelang 2020 berbanding 19,713 pada tahun lalu seiring jumlah rakyat Malaysia sekitar 31.7 juta sekarang.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata sasaran itu berdasarkan standard penerbitan negara maju yang disyorkan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), iaitu satu judul bagi setiap 1,000 penduduk.

"Patik percaya sasaran yang disebut tadi dapat dicapai dengan adanya pengemblengan usaha serta sokongan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta serta pihak yang terbabit secara langsung dalam industri," katanya.

Mohamed Nazri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan aluan pada majlis pelancaran buku Istana Pahang: The Palace of Pahang terbitan Universiti Putra Malaysia (UPM Press) di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkenan melancarkan buku berkenaan yang ditulis oleh Orang Besar Istana Pahang Datuk Seri Halim Ibrahim dan pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM Prof Madya Datuk Dr Norhasni Zainal Abidin.

Mohamed Nazri, berkata amalan membaca dan kadar literasi menjadi faktor utama kemajuan industri buku dan penentu kejayaan Malaysia untuk mencapai sasaran sebagai Kota Buku Dunia pada 2020.

Beliau turut menzahirkan harapan untuk memperkukuh kerjasama dengan kerajaan Pahang khususnya dalam usaha meningkatkan aktiviti penyelidikan bermutu tinggi, sekali gus mempromosikan Pahang sebagai destinasi pelancongan ilmu tahun ini.

"Ini sejajar dengan visi kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia berteraskan seni, budaya dan warisan negara," katanya. - BERNAMA